



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 21 Oktober 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kilang mi, kuetiau guna logo halal tanpa kebenaran

KPDN serbu premis, sita barangan makanan bernilai RM87,057

Oleh Zuliaty Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: Sebuah kilang pembuatan mi kuning, kuetiau, laksa dan tempe di daerah ini, diserbu pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, kelmarin, kerana menggunakan logo halal tanpa kebenaran.

Pengarah KPDN Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin, berkata operasi itu merangkumi perakuan dan penandaan halal digunakan oleh premis, status penijilan halal serta pemeriksaan penguatkuasaan di bawah akta KPDN turut dijalankan.

Beliau berkata, pihaknya menyita semua barangan makanan terbabit dan pek pembungkusan pelbagai saiz yang menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

“Hasil pemeriksaan mendapati premis itu menjalankan aktiviti memproses mi kuning, kuetiau, laksa, tauhu dan tempe yang diedarkan ke pasaran seluruh negara,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Serbuan jam 11 pagi

Muhammad Nizam berkata, serbuan dilakukan sekitar jam 11 pagi itu, membabitkan tujuh anggota penguat kuasa KPDN Alor Setar, empat (cawangan Sungai Petani), 10 (Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Muda) dan dua pegawai Bahagian Pengurusan Halal, JHEAIK selain empat anggota PDRM daripada Balai Polis Bedong.

Katanya, hasil pemeriksaan mendapati premis terbabit menggunakan logo halal JAKIM ke atas produk dikeluarkan tanpa kebenaran pihak berkuasa.

“Semua barangan terbabit disita dan keseluruhan nilai sitaan dianggarkan RM87,057,” katanya.

Muhammad Nizam berkata, dalam serbuan berasingan di sebuah stor di Jalan Angsana, pegawai KPDN Kedah menyita barangan kerana kesalahan sama, tetapi hanya membabitkan sitaan dalam jumlah kecil.



Anggota KPDN menyita barangan makanan seperti mi kuning, kuetiau, laksa dan tempe dalam serbuan di sebuah kilang di Sungai Petani, Kedah. (Foto ihsan KPDN)

Mi, kuetiau, tempe guna logo halal tipu

SUNGAI PETANI – Sebuah kilang yang mengeluarkan mi kuning, kuetiau, laksa dan tempe di daerah Kuala Muda diserbu kerana dipercayai menyalahgunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) kelmarin.

Hasil pemeriksaan ke atas kilang dan stor edaran pada pukul 11 pagi itu, premis disyaki menggunakan logo halal Jakim ke atas produk yang dikeluarkan tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah, Muhammad Nizam Jamaludin berkata, premis terbabit menjalankan aktiviti memproses

mi kuning, kuetiau, laksa, tauhu dan tempe yang diedarkan ke pasaran seluruh negara.

Katanya, pegawai serbuan telah menyita mi kuning, kuetiau, laksa, tempe serta pek pembungkusan pelbagai saiz yang menggunakan logo halal Jakim dengan nilai sitaan keseluruhan dianggarkan bernilai RM87,057.

"Kes disiasat di bawah Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011," katanya semalam.

Sehubungan itu, pihaknya memberi amaran kepada peniaga agar tidak menggunakan logo halal tanpa diperakui Jakim atau Majlis Agama Islam Negeri.



ANGGOTA penguat kuasa memeriksa produk makanan yang disyaki menyalahgunakan logo halal di sebuah kilang di Kuala Muda kelmarin.
– KPDN KEDAH

Kedah company busted over halal logo

SUNGAI PETANI: The long arm of the law caught up with a food processing company in Kedah that was found using an unauthorised halal logo on its products.

The Kedah Domestic Trade and Cost of Living Ministry's enforcement director Muhammad Nizam Jamaludin said this followed raids conducted on a factory producing noodles, kuey teow, laksa, tofu and tempeh in Bedong and a store on Jalan Angsana near here at 11am on Sunday.

"The enforcement division in Kedah conducted an integrated operation with the Health Ministry and the Kedah Islamic Religious Affairs Department. The operation focused on the halal certification and marking used at the premises, the status of its halal certification, and compliance with rules and regulations under the ministry.

"It was found that the premises were using the halal logo of the Malaysian Islamic Development Department (Jakim) on its products without the permission of the authorities," he said in a statement yesterday, as reported by Bernama.

He said products worth RM87,057 were seized during the raid.

The case is being investigated under the Trade Descriptions (Certification and Marking of Halal) Order 2011.

Guna logo halal tanpa kebenaran, KPDN Kedah serbu kilang proses makanan

SUNGAI PETANI: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kedah menyerberu kilang sebuah syarikat memproses makanan di sini yang dikesan menggunakan logo halal tanpa kebenaran pihak berkuasa pada produk keluaran mereka.

Pengarahnya Muhammad Nizam Jamaludin berkata serbuan dijalankan ke atas kilang pembuatan mi, kuetiau, laksa, tauhu dan tempe di Bedong dan stor simpanan di Jalan Angsana, pada 11 pagi kelmarin.

Beliau berkata operasi bersepadu KPDN Kedah bersama Kementerian Kesihatan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah itu, merangkumi pemeriksaan perakuan dan penandaan halal yang digunakan oleh premis, status pensijilan halal, serta penguatkuasaan di bawah akta KPDN.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis tersebut menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ke atas produk dikeluarkan tanpa kebenaran

pihak berkuasa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata kilang berkenaan memproses produk makanan terbabit dalam pelbagai saiz dan dipercayai diedarkan ke pasaran di seluruh negara.

Muhammad Nizam berkata sitaan turut dibuat terhadap produk berkenaan dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM87,057.

"Kes disiasat mengikut Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011," katanya. — Bernama



瓜拉姆拉一家食品厂滥用清真标志，遭吉州国内贸易及生活成本局执法人员检举。

吉内贸局充公逾8万产品 食品厂滥用清真标志

【双溪大年 20 日讯】瓜拉姆拉一家生产面条、粿条、叻沙与天贝的食品制造厂非法使用清真标志，遭吉州国内贸易及生活成本局执法人员检举，当场充公了价值 8 万 7057 令吉的产品与包装袋。

这项联合执法行动于上周日上午 11 时展开，出动 11 名国内贸易局执法官员、10 名瓜拉姆拉卫生局执法人员、2 名吉打州宗教事务局清真管理组官员，并获得 4 名美农警局警员协助执行。

吉州国内贸易及生活成本局主任莫哈末尼占周一发文告时指出，该工厂未获认证的情况下，被发现擅自使用大马伊斯兰发展局（JAKIM）的清真标志，将清真标志印在其生产的食品包装上，产品运销全马各地。

他说，执法官员随即扣押所有涉案食品，以及印有清真标志的包装袋，估计总值约 8 万 7057 令吉；他们将援引 2011 年商品说明法令【清真认证与标志】展开调查。

一旦罪名成立：公司首犯罚款最多 20 万令吉，重犯最多 50 万令吉；个人则可被罚款不超过 10 万令吉或监禁不超过 3 年，或两者兼施；重犯者罚款不超过 25 万令吉或监禁不超过 5 年，或两者兼施。

他提醒商家，不可随意使用未经 JAKIM，或州宗教理事会认证的清真标志，否则将面对严厉惩罚；公众若发现任何疑似滥用清真标志的产品，可通过以下管道向当局举报，热线（1-800-886-800）、或电（e-aduan@kpdn.gov.my）、或 WhatsApp（019-848 8000 / 019-279 4317）。#

(关丹20日讯)配合国内贸易及生活成本部(KPDN)东海岸区嘉年华及购买本地商品活动,关丹甘文丁草场前的道路,将从本月24至26日(星期五及六)早上7时至11

配合KPDN嘉年華

甘文丁草場前改單向道

时,双向路线改单向道。彭州国内贸易及生活成

本局在面子书发文告说,涉及道路包括甘文丁草场

前方的道路,即关丹兴都庙至英雄广场(Dataran Sayangi Kuantan)路段将改单向道。

文告中建议民众及道路使用者提前规划行程,并使用其他路线。

違例使用清真標誌 食品廠8.7萬元產品被充公

(双溪大年20日讯) 瓜拉姆拉一间生产面条、粿条、叻沙及天贝的食品制造厂，涉嫌滥用清真标志，被吉打州国内贸易及生活成本局取缔，当局充公总值8万7057令吉的产品及包装袋。

此次取缔行动于周日上午11时展开，共动员11名国内贸易及生活成本局执法人员、10名瓜拉姆拉卫生局人员、2名州宗教事务局清真管理组官员，并获4名美农警员协助。

产品已流通至全国

吉州国内贸易及生活成本局主任莫哈末尼占周一发文告指出，该工厂被发现擅自使用大马伊斯兰发展局(JAKIM)清真标志，并在未获任何认证下将标志印制于食品包装上，产品已流通至全国市场。

“执法人员现场扣押所有涉案食

品和印有清真标志的包装袋，总值约8万7057令吉，案件将援引《2011年商品说明法令》(清真认证与标志)调查。”

若罪名成立，公司首次违规可罚款最高20万令吉，重犯可达50万令吉；个人首次违规可罚款不超过10万令吉或监禁不超过3年，或两者兼施；重犯则可罚款最高25万令吉或监禁不超过5年，或两者兼施。

莫哈末尼占提醒，商家不得随意使用未经JAKIM或州宗教理事会认证的清真标志，否则将面对严厉对付。他呼吁民众若发现疑似滥用清真标志产品，可通过以下渠道举报：热线1-800-886-800、电邮e-aduan@kpdn.gov.my、WhatsApp: 019-848 8000 / 019-279 4317。(CSH)



■执法人员检举涉嫌滥用清真标志的食品厂，充公产品及包装。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 OKTOBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Oct	KPDN Perak terima lapan aduan berkaitan pelanggaran peraturan subsidi BUDI95	https://www.tvsarawak.my/2025/10/17/kpdn-perak-terima-lapan-aduan-berkaitan-pelanggaran-peraturan-subsidi-budi95/	TVS
21-Oct	BUDI95: KPDN Perak terima lapan aduan	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/budi95-kpdn-perak-terima-lapan-aduan	RTM
21-Oct	KPDN Perak terima lapan aduan berkaitan pelanggaran peraturan subsidi BUDI95	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-perak-terima-lapan-aduan-berkaitan-pelanggaran-peraturan-subsidi-budi95-543344	ASTRO AWANI
21-Oct	Perak rekod lapan aduan BUDI95	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/10/perak-rekod-lapan-aduan-budi95/	UTUSAN
21-Oct	KPDN Perak Terima Lapan Aduan Berkaitan Pelanggaran Peraturan Subsidi BUDI95	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2479879	BERNAMA
21-Oct	BUDI95: KPDN Perak terima lapan aduan	https://www.sinarharian.com.my/article/752909/edisi/perak/budi95-kpdn-perak-terima-lapan-aduan	SINAR HARIAN
21-Oct	KPDN Perak terima lapan aduan berkaitan manipulasi BUDI95	https://suarakini.com.my/kpdn-perak-terima-lapan-aduan-berkaitan-manipulasi-budi95/	SUARA KINI
21-Oct	KPDN Perlis Giat Pastikan Peniaga Patuh SHMMP Deepavali 2025	https://www.bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2479987	BERNAMA
21-Oct	'Ini perayaan pesta cahaya bukan pesta naik harga'	https://www.kosmo.com.my/2025/10/17/ini-perayaan-pesta-cahaya-bukan-pesta-naik-harga/	KOSMO

21-Oct	KPDN Sarawak periksa 112,404 premis sejak awal tahun	https://utusanarawak.com.my/kpdn-sarawak-periksa-112404-premis-sejak-awal-tahun/	UTUSAN SARAWAK
21-Oct	CONTROLLED DEEPAVALI PRICES FOR NINE ESSENTIAL GOODS UNDER SHMMP	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/10/17/controlled-deepavali-prices-for-nine-essential-goods-under-shmmp	THE STAR
21-Oct	308 pegawai KPDN dikerah pantau harga dan bekalan sempena Deepavali	https://utusanarawak.com.my/308-pegawai-kpdn-dikerah-pantau-harga-dan-bekalan-sempena-deepavali/	UTUSAN SARAWAK
21-Oct	Kerajaan digesa kaji semula struktur, fungsi MyCC - Ahli Parlimen Jelevu	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/10/1459745/kerajaan-digesa-kaji-semula-struktur-fungsi-	BERITA HARIAN
21-Oct	Guna logo halal tanpa kebenaran, KPDN Kedah serbu kilang proses makanan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/guna-logo-halal-tanpa-kebenaran-kpdn-kedah-serbu-kilang-proses-makanan-543726	ASTRO AWANI
21-Oct	Guna Logo Halal Tanpa Kebenaran, KPDN Kedah Kilang Proses Makanan	https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2480818	BERNAMA
21-Oct	KPDN Kedah serbu kilang memproses makanan guna logo halal palsu	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-kedah-serbu-kilang-memproses-makanan-guna-logo-halal-palsu	RTM
21-Oct	Guna logo halal tanpa kebenaran, KPDN Kedah kilang proses makanan	https://www.tvsarawak.my/2025/10/20/guna-logo-halal-tanpa-kebenaran-kpdn-kedah-kilang-proses-makanan/	TVS

21-Oct	Sungai Petani factory raided for using halal logo without permission	https://www.nst.com.my/news/regional/2025/10/1298450/sungai-petani-factory-raided-using-halal-logo-without	NST
21-Oct	Kilang proses mi, tauhu di Kedah guna logo halal tanpa kebenaran	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/10/20/kilang-proses-mi-tauhu-di-kedah-guna-logo-halal-tanpa-kebenaran	FMT
21-Oct	KPDN Kedah bongkar dua premis makanan guna logo halal tanpa kebenaran	https://www.sinarharian.com.my/article/753266/berita/semasa/kpdn-kedah-bongkar-dua-premis-makanan-guna-logo-halal	SINAR HARIAN
21-Oct	Kilang mi, tempe di Sungai Petani diserbu, guna logo halal palsu	https://www.buletintv3.my/nasional/kilang-mi-tempe-di-sungai-petani-diserbu-guna-logo-halal-palsu/	TV3
21-Oct	Factory in SG Petani found using halal logo without permission	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/10/20/factory-in-sg-petani-found-using-halal-logo-without-permission/195304#google_vignet	MALAYMAIL
21-Oct	Kilang proses makanan guna logo halal tanpa kebenaran diserbu	https://malaysiagate.com/2025/10/20/kilang-proses-makanan-guna-logo-halal	MALAYSIA GAZETTE